



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 1 APRIL 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	BANYAK TANAH PERTANIAN TERBIAR, TIDAK DIUSAHAKAN, DALAM NEGERI, UM -3 MAFI BANTU KURANG HUTANG NEGARA, FORUM, UM -18	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3. 4. 5. 6	DAGING RENDANG PAHANG BAWA TUAH, NASIONAL, SH -4 HPPNK 2021 RAI GOLONGAN PETANI, NEGARA, KOSMO -9 ROMPIN INTEGRATED PINEAPPLE MENANG, NASIONAL, SH -5 PANDEMIK BUKAN HALANGAN TINGKAT PENGELUARAN PADI, NASIONAL, SH -5	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
7.	FAMA, BANK RAKYAT LAUNCH SEMARAK RAMADHAN PROGRAMME, BERNAMA -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8.	HIGHER PADI YIELD EXPECTED FROM MUDA AREA, NEWS, THE STAR -4	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
9. 10. 11.	NAFAS PAYUNGI PERTUBUHAN PELADANG, SAMBUTAN JUBLI EMAS 50 TAHUN NAFAS, SH -6 MAFI SAMBUT BAIK TEKAD NAFAS MENUJU 2030, SAMBUTAN JUBLI EMAS 50 TAHUN NAFAS, SH -6 NAFAS OPTIMIS LAKSANA PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI, SAMBUTAN JUBLI EMAS 50 TAHUN NAFAS, SH -7	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Banyak tanah pertanian terbiar, tidak diusahakan

Dari muka 1

Mengulas lanjut, Amimudin menegaskan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) perlu melihat semula, apakah bantuan yang telah mereka berikan ketika petani dan peladang berdepan dengan kenaikan harga input pertanian dan masalah yang dihadapi oleh petani termasuk dalam isu penggunaan jentera.

"Tanah-tanah pertanian yang ada, adakah ia produktif? Apa yang mereka lakukan bagi memastikan pengeluaran makanan ini benar-benar berjalan? Tanah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di Jelebu, beribu ekar, adakah kesemuanya digunakan?"

"Siswazah-siswazah tani, berapa ramai yang terlibat dan berapa pula yang berjaya? Ini yang sepatutnya pihak Kementerian lihat dan bukannya mencari salah, tanah tiada, itu tiada. Mahu tanah-tanah besar tetapi tanah yang kecil pun mereka tidak mampu bangun, tanah sedia ada pun tidak diusahakan sepenuhnya," katanya.

Di Perak pula, menurut Saarani, kerajaan Perak mengangkitkan semula tanah pertanian



PROJEK taman perumahan yang sedang dibina oleh pemaju di atas tapak sawah padi di Simpang Empat, Alor Setar, Kedah. - UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN

tiba tukarkan status tanah.

"Berapa pun jumlah tanah itu, terpaksa ditukar syarat kepada pembangunan, pada highway (lebuhraya) dan sebagainya, jika ia terpaksa dibuat, kita menggantikan balik sejumlah tanah yang sama tanah pertanian untuk keselamatan makanan," katanya.

Sementara di Kedah, Azman Nasrudin berkata, jumlah keluasan tanah pertanian yang diubah syarat itu adalah berdasarkan permohonan ubah syarat yang diterima Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dalam tempoh tersebut.

Bagaimanapun, menurutnya, pihak MADA mengesyorkan permohonan mengubah syarat tanah tersebut untuk pembangunan hanya di kawasan yang berada di luar zon pertanian.

Katanya, langkahan tersebut diambil selari dengan penetakan kawasan Muda yang diwartakan sebagai kawasan penanaman padi dua kali setahun.

"Kawasan pinggir yang diwartakan ini adalah terdiri daripada 11 skim pengairan iaitu daerah Kubang Pasu sebanyak tiga skim, Pokok Sena sebanyak enam skim dan masing-masing satu skim di daerah Pendang dan Yan," katanya.

sawah padi digantikan semula oleh kerajaan negeri bagi memastikan tanaman padi mencukupi.

"Maknanya, kita ganti sebab ini keselamatan makanan, berapa pun jumlah yang terpaksa digantikan dan kita bukan tiba-

MAFI bantu kurang hutang negara

SAUDARA PENGARANG,

SELURUH dunia ketika ini masih berdepan tekanan besar dalam usaha mengurangkan kemerosotan ekonomi berpunca daripada langkah membendung penularan wabak Covid-19.

Bagi menghadapi kesan kegawatan ekonomi, negara-negara di seluruh dunia melancarkan pakej rangsangan ekonomi untuk mengurangkan risiko kegawatan pada masa hadapan.

Malaysia mengeluarkan pakej rangsangan kewangan sebanyak RM250 bilion. Sekiranya pakej rangsangan ini terus bertambah, jumlah hutang negara semakin meningkat.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) komited dalam memperkukuhkan sektor agromakanan dengan menambah lagi usaha-usaha untuk meningkatkan pengeluaran domestik, peluasan adaptasi teknologi moden dan mengurangkan kebergantungan keperluan impot sekali gus meningkatkan kualiti dan jaminan sekuriti makanan negara.

Sekuriti makanan merupakan antara aspek yang diberi perhatian khusus oleh kerajaan dan hal ini jelas diperlihatkan menerusi penubuhan Jawatankuasa Kabinet Sekuriti Makanan Negara (FSCC).

Sejak penubuhan FSCC, pelbagai usaha dilaksanakan untuk merapatkan jurang dalam sistem makanan negara, khususnya bagi memastikan kelangsungan bekalan makanan yang mencukupi, selamat, bernutrisi dan mampu dibeli secara berterusan oleh semua lapisan rakyat.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sektor agromakanan bagi suku ketiga 2021 sebanyak lima peratus manakala sumbangan sektor agromakanan sahaja kepada KDNK negara dalam tempoh sama, 4.4 peratus.

Daripada keadaan ini, MAFI mengambil inisiatif menganjurkan dialog awam bersama pemain industri. Cetusan idea dan perkongsian daripada pelbagai peringkat akar umbi serta pakar berkaitan sektor pertanian dan agromakanan diberi perhatian dan didengar oleh kementerian dalam membuat sebarang keputusan nanti.

Objektif penganjuran jelajah sesi dialog ini membolehkan pemain industri menyumbang idea, pandangan dan cadangan dalam memacu hala tuju sektor agromakanan khususnya berkaitan sekuriti makanan supaya seiring dengan keperluan semasa.

Kementerian akan terus komited dalam usaha memperkukuh jaminan sekuriti makanan negara agar industri agromakanan tidak lumpuh dan tidak akan terjejas dalam keadaan apa sekalipun. Kementerian sendiri melakukan pelbagai usaha antaranya pelancaran Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

Oleh itu, kementerian akan sentiasa memastikan kebajikan golongan sasaran termasuk pemain industri di sepanjang rantaian nilai diberi perhatian dan dibela sewajarnya, terutama untuk memastikan kestabilan sistem rantaian makanan dan jaminan terhadap sekuriti makanan negara dalam konteks aspirasi Keluarga Malaysia tidak terjejas dalam keadaan apa sekalipun.

YOSRI ABU MAHSIN

Ketua Seksyen Hal Ehwal Korporat MAFI

Daging rendang Pahang bawa tuah

PPK Jerantut muncul juara dalam pertandingan masakan sempena Program Dari Dapur Peladang Nita Peringkat Kebangsaan

Oleh FARAH SHAZWANI ALI
Foto: ROSLI TALIB

Perasaan kecewa kerana tidak dapat menyediakan masakan ikan patin yang menjadi menu istimewa orang Pahang terubat apabila wakil Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Jerantut muncul juara dengan pertaruhan menu daging rendang Pahang. Lebih istimewa, PPK dari Pahang itu berjaya menewaskan 13 pencabar lain dalam pertandingan masakan sempena Program Dari Dapur Peladang Nita (DDPN) Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Ibu Pejabat Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), di sini pada Rabu.

Selain daging rendang Pahang, Hamizah Basir, 57, dan rakannya, Esah Abdul Rahim, 61, turut mempertaruhkan Pais Talapia Belimbing Hitam dan Batang Bunk sebagai manisan.

Menurut Hamizah, apa yang istimewanya rendang yang dihasilkan mereka adalah menggunakan gula kabong dan bunga Roselle bagi memberikan rasa masam dan warna yang menarik.

"Kami memang berkira-kira nak masak ikan patin tapi ia tiada dalam menu pertandingan. Bagi mengekalkan identiti Pahang, kami mengambil keputusan untuk memasak rendang daging dan pais talapia menggunakan belimbing hitam.

"Alhamdulillah, tidak sangka menang dan berjaya menewaskan rakan-rakan dari negeri lain. Lebih manis, saya dan rakan-rakan seramai 16 orang datang ke sini menaiki van bagi memberikan sokongan. Insya-ALLAH, kami akan belanja mereka nanti sebab setia bersama.

"Selain belanja rakari-rakan, saya bercadang duit kemenangan ini digunakan untuk persediaan Ramadan



Che Abdullah (tiga dari kanan) dan Azullta (empat dari kiri) bergambar bersama pemenang pada Pertandingan Memasak Dari Dapur Peladangnita Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Ibu Pejabat Nafas.

dan hari raya nanti," katanya.

Mereka berjaya membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM10,000 dan turut menerima plak dan sijil penghargaan, yang disampaikan oleh Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Che Abdullah Mat Nawi dan Ketua Pengarah LPP, Datuk Azullta Salim.

Pemenang bagi tempat kedua pula adalah wakil Melaka, iaitu Nur Haslina Mohd Shakdan dan Sharifah Sahat dari PPK Melaka Tengah yang membawa pulang wang tunai RM5,000 manakala tempat ketiga dimenangi wakil Johor, Norazah Toha @ Tahta dan Azizah Mohd Rais dari PPK Simpang Renggam yang memenangi wang tunai RM3,000.

Sementara 11 wakil negeri lain menerima hadiah suguhati bernilai RM1,000 dan kesemua peserta turut menerima plak dan sijil penghargaan.

Program itu turut dimeriahan dengan kehadiran Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiangdee.

Panel juri bagi pertandingan itu terdiri daripada wakil MAFI, Habsbah Ali yang bertindak sebagai ketua juri dan turut diadili Ketua Peladang Nita, Datuk Nazilah Abd Latif dan Chef Sebebrü, Chef Adu Amran.

Penilaian dalam pertandingan itu

dibuat berdasarkan kepada aspek kebersihan meliputi penampilan peserta dan tempat penyediaan serta ketepatan masa dari mula persediaan sehingga persembahan hidangan.

Selain itu, persembahan hidangan daripada aspek kekemasan, daya tarikan, kreativiti dan inovatif turut diambil kira serta rasa yang meliputi kombinasi masakan, tekstur dan keaslian rasa.

Program DDPN Peringkat Kebangsaan merupakan salah satu program pengisian sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) Tahun 2021 yang sepatutnya diadakan pada 23 Disember 2021 di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur.

Program itu telah dilaksanakan di peringkat negeri bermula di Negeri Sembilan pada 15 November 2021 dan terakhir di Sabah pada 15 Disember 2021.

Selain mempromosi aktiviti peladang Nita, pertandingan memasak itu dibuat bagi mempromosi resepi-resepi masakan yang dicipta oleh peladang Nita daripada seluruh negara serta



ESAH ABDUL RAHIM



HAMIZAH BASIR

memperkasakan peladang Nita peringkat kawasan dan daerah.

Selain itu, resepi yang disediakan oleh pemenang bagi setiap negeri akan turut dibukukan.

Juri sedang mengira markah pada Pertandingan Memasak Dari Dapur Peladangnita Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Ibu Pejabat Nafas.



Pertandingan Memasak Dari Dapur Peladangnita Peringkat Kebangsaan menerima sambutan menggalakkan daripada para peserta di seluruh negara.

INFO

KEPUTUSAN PERTANDINGAN MASAKAN

- Tempat Pertama: Pahang (PPK Jerantut) - RM10,000
- Tempat Kedua: Melaka (PPK Melaka Tengah) - RM5,000
- Tempat Ketiga: Johor (PPK Simpang Renggam) - RM3,000
- Suguhati: 11 wakil negeri lain - RM1,000



Ronald ketika melawat ke Pertandingan Memasak Dari Dapur Peladangnita Peringkat Kebangsaan selepas selesai pelancaran Jubli Emas 50 Tahun Nafas.



Peserta dari Pahang, Hamizah Basir dan Esah Abdul Rahim memenangi tempat pertama dalam Pertandingan Memasak Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Ibu Pejabat Nafas.



SHAHRUL NIZAM (empat dari kiri) menerima Anugerah Perdana Agro yang memberi wang tunai RM30,000 pada HPPNK 2021 di Petaling Jaya, kelmarin.



HAMIZAH dan Esah (barisan bawah, tiga dan empat dari kanan) berjaya membawa pulang wang tunai berjumlah RM10,000 selepas menjadi Juara Program DDPN Peringkat Kebangsaan Sempena HPPNK 2021 di Petaling Jaya, kelmarin.

Usahawan nanas Rompin rangkul Anugerah Perdana Agro dan Anugerah Biz Agro HPPNK 2021 rai golongan petani

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PETALING JAYA – Kejayaan diraih seorang usahawan nanas hingga berjaya mengeksport hasil pertaniannya ke luar negara terus diraikan apabila dianugerahkan Anugerah Perdana Agro sempena Hari Peladang, Peritnakan dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2021

Lebih membanggakan, Pengarah Eksekutif Rompin Integrated Pineapple Industries Sdn. Bhd., Datuk Shahrul Nizam Abd. Aziz turut menerima Anugerah Agro Biz yang baru diperkenalkan sempena sambutan HPPNK kali ini

Menurut Shahrul Nizam, kejayaan diraih itu bukan miliknya seorang dan sepatutnya diraikan bersama lebih 80 kakitangan termasuk daripada masyarakat Orang Asli yang menjadi tulang belakang syarikat

"Saya ingin ucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) atas anugerah ini selain masyarakat Orang Asli yang bekerja di syarikat kami di Rompin, Pahang.

"Pada saya, kejayaan ini merupakan milik mereka yang bertungkus-lumus bekerja di bawah terik matahari bagi memastikan hasil pengeluaran nanas sentiasa menepati kualiti ditetapkan sebelum dipasarkan," katanya kepada Kosmo! pada Majlis Penyampulan Anugerah HPPNK 2021 di sini baru-baru ini.

Mengulas mengenai rahsia kejayaan syarikat, Shahrul Nizam berkata, kerjasama erat bersama MAFI dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia menjadi antara faktor utama.

"Penglibatan aktif agensi



MENTERI MAFI, Datuk Seri Ronald Klandee (empat dari kiri) melihat masakan peserta DDPN pada HPPNK 2021 di Petaling Jaya, kelmarin.

kerajaan bukan sahaja membolehkan pengeluaran nanas dioptimumkan, malah mewujudkan produk hiliran lain untuk pasaran tempatan serta antarabangsa," ujarnya.

Pada Majlis Anugerah HPPNK 2021, sebanyak lima anugerah disampaikan kepada penerima dalam usaha menghargai sumbangan mereka sebagai penyumbang utama bekalan makanan negara lain.

Antara anugerah disampaikan kepada penerima yang terdiri daripada peladang, penternak dan nelayan ialah Anugerah Agropreneur Muda, Anugerah Agro Biz, Anugerah Premier

Persatuan Nelayan, Anugerah Premier Pertubuhan Peladang serta Anugerah Perdana Agro.

Bagi empat anugerah utama, penerima membawa pulang wang tunai bernilai RM20,000 selain trofi dan sijil, manakala Anugerah Perdana Agro menawarkan wang tunai berjumlah RM30,000.

Sementara itu, pemenang Anugerah Premier Pertubuhan Peladang, Datuk Md. Zabidi Arifin menyifatkan peranan aktif dimainkan agensi-agensi di bawah MAFI sebagai pemangkin kepada kejayaannya

"Dengan kecekapan dimainkan agensi-agensi terlibat, kami dapat

terus bergerak dan pengeluaran makanan kepada rakyat kekal berfungsi walaupun ketika negara diancam pandemik.

"Sebagai contoh, bantuan diberikan kerajaan sepanjang Covid-19 membolehkan pengeluaran padi kekal dibekalkan dengan adanya pelbagai insentif seperti pemberian benih dan baja kepada petani," ujarnya.

Dalam pada itu, Program Dari Dapur Peladang Nita (DDPN) yang dianjurkan sempena HPPNK 2021 menyaksikan peserta dari PPK Jerantut, Pahang dinobatkan sebagai Juara sekali gus membawa pulang wang tunai bernilai RM10,000.

PPK Jerantut yang diwakili Hamizah Basir dan Esah Abdul Rahim berjaya menawan deria rasa para juri menerusi hidangan istimewa mereka, iaitu Rendang Daging Pahang dan Pais Talapia Belimbing Hitam.

Menurut Hamizah, beliau bangga selepas dinobatkan sebagai Juara memandangkan peserta lain hadir dari seluruh negara selain mempunyai pengalaman luas.

"Saya merancang membuat kenduri kesyukuran sempena menyambut Ramadan bagi meraikan rakan-rakan yang sudi memberi sokongan pada pertandingan ini," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/4/2022	BERNAMA	ONLINE	

FAMA, Bank Rakyat launch Semarak Ramadan programme



Datuk Zainal Abidin Yang Razali (Pic credit: to FAMA official FB page)

KUALA LUMPUR, March 31 (Bernama) – The FAMA Semarak Ramadan programme, launched by the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) today, will travel to 25 locations throughout the country, especially in rural areas, to reach out to the needy.

The programme, which has been held since 2017, was launched by FAMA director-general Datuk Zainal Abidin Yang Razali, together with Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd (Bank Rakyat) chief risk officer Ahmad Shukri Abd Rahman at the FAMA headquarters.

FAMA, in a statement today, said among the programme locations are Kesang Tua Mosque in Jasin, Melaka; Nurul Taqzim Mosque in Beluran, Sabah; and Surau Muafakat Kampung Bendang Luas in Selama, Perak.

FAMA also said that the programme, apart from aiming to bring the agency closer to the target group, was also to enliven the month of Ramadan with charity activities among the local community.

According to the statement, Bank Rakyat contributed RM414,000 to FAMA in the form of food kits to be donated to nearly 2,070 hardcore poor nationwide during the Ramadan tour.

"Each recipient will receive a food kit worth RM200 to meet staple and basic needs. This contribution is very much in line with the concept of the Keluarga Malaysia implemented by the government to highlight the aspiration of caring citizens who are always united to help one another," according to the statement.

Apart from that, FAMA and Bank Rakyat service delivery will also be carried out at each Ramadan tour location to ensure that the local community understands the roles and tasks to meet the needs of stakeholders.

"This Ramadan tour is a concept that we introduced, where we go to the ground to help the needy and the community during the month of Ramadan. We have already planned 25 official locations and several more unofficial places to bring the total to 30 locations nationwide.

"I also thank the value in contribution given by Bank Rakyat to carry out this vibrant Ramadan programme to be kind to the needy during the month of Ramadan," said Zainal in the statement.

– BERNAMA

KEDAH

MUDA Agricultural Development Authority (Mada) is optimistic that padi farmers in the Muda area in Kedah can meet at least 40% of the country's supply needs despite uncertain weather conditions.

A statement by Mada general manager's office said with the current estimated average gross yield of 5.3 tonnes per hectare, padi production for the 2021 season (second phase of planting season) should reach 553,631 tonnes.

"The yield is expected to be 30%

more than the production for the 2020 season, which achieved an output of only 408,724 tonnes," said the statement.

Mada also said that 71% of padi crops in the Muda area were now ready to be harvested, adding that it would continue to monitor plant-

ing activities until the end of the season.

In addition, the statement said Mada's dams registered comfortable levels of water. Pedu Dam's water level is currently at 81.6%, Muda Dam at 76.4% and Ahning Dam at 92.8%. — Bernama.



A padi field in Kedah during harvest season. Courtesy of Mada.

1/4/2022

SINAR
HARIANSAMBUTAN
JUBLI EMAS
50 TAHUN
NAFAS

6

SAMBUTAN JUBLI EMAS 50 TAHUN NAFAS



Nafas payungi Pertubuhan Peladang

Nafas sebagai induk Pertubuhan Peladang membolehkan agensi itu ceburi perniagaan dan pelaburan

Oleh DIANA AZIS Foto: ROSLI TALIB



Peranan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) sebagai induk Pertubuhan Peladang membolehkan agensi itu menceburi pelbagai aktiviti perniagaan dan pelaburan khususnya bidang pertanian.

Pengerusi Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob berkata, pengenalan kepada lima tekad Nafas menjelang 2030 bakal menjadi titik tolak kepada kejayaan pertubuhan itu serta Pertubuhan Peladang secara keseluruhannya.

"Bagi meneruskan momentum kejayaan sejak lima dekad lalu, Nafas di bawah kepimpinan barisan Jemaah Pengarah serta komitmen kumpulan pengurusan mengorak langkah memastikan masa depan yang cemerlang kepada pergerakan Pertubuhan Peladang seluruh negara menerusi penetapan lima tekad sebagai fokus menuju 2030.

"Antara yang menjadi tumpuan adalah pembangunan industri padi dan beras yang mana Nafas kini sedang kearah pembangunan, pengeluaran serta pengkomersialan benih padi hibrid yang dijangka bermula musim satu 2023 (1/2023).

"Objektif perkembangan program ini adalah bagi memberi alternatif kepada pesawah dengan tawaran benih padi hibrid berbanding benih padi inbred yang dijangka akan meningkatkan hasil tuai sehingga 50 peratus bagi setiap hektar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Jubli Emas 50 Tahun Nafas yang disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Lima tekad Nafas menuju 2030 merangkumi pembangunan industri padi dan beras; pemasaran



Ronald menyempurnakan gimik pelancaran Jubli Emas 50 Tahun Nafas di Ibu Pejabat Nafas.

input baja dan kimia; mainan utama industri ayam; sumber kekayaan baharu dan kemakmuran keluarga peladang.

Mengulas mengenai tekad tersebut, Zamri berkata, penggunaan padi hibrid bakal memasuki pasaran sehingga 30 peratus dari penggunaan benih padi sah negara dengan menyasarkan pesawah seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak.

"Selain itu kita telah menjadi antara syarikat peneraju Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang kini mewujudkan rantaiannya menerusi SMART SBB Peladang.

"Pelaksanaan program tersebut secara tidak langsung akan meningkatkan pendapatan pesawah serta hasil padi disamping memperkukuhkan kerjasama Pertubuhan Peladang dengan agensi terlibat," ujarnya.

Sementara itu Zamri turut memaklumkan, Nafas dijangka akan meluaskan perniagaan ke pasaran antarabangsa susulan penyertaan pertubuhan itu pada Expo 2020 Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) Februari lalu.

Katanya, hasil pameran serta perbincangan lanjut bersama beberapa syarikat yang berpangkalan di Dubai,



Zamri menyampaikan ucapan pada majlis Pelancaran Jubli Emas 50 Tahun Nafas yang diadakan pada Rabu.

pihaknya kini sedang merangka strategi bagi memastikan perancangan berkenaan berjaya dicapai.

"Ini merupakan antara inisiatif Nafas dalam memacu dan meningkatkan peluang pelaburan dan kerjasama dalam pertanian lestari.

"Barisan Jemaah Pengarah serta kumpulan pengurusan juga optimis kearah usaha mentransformasikan Nafas untuk mencapai keuntungan selain komitmen daripada kakitangan yang cekap, mahir, amanah dan bersistematik mampu membawa pertubuhan ini ke era lebih baik dan masa depan lebih terjamin," katanya.

MAFI sambut baik tekad NAFAS menuju 2030

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyambut baik tekad Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menerusi pembangunan industri padi dan beras yang dilihat mampu memperkukuhkan bekalan makanan negara.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, pembangunan benih padi hibrid yang akan dilaksanakan bermula musim pertama 2023 itu secara tidak langsung turut memberi manfaat kepada

pesawah seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak.

"MAFI menyokong penuh idea Nafas bagi pembangunan, pengeluaran dan pengkomersialan benih padi hibrid yang bakal dilaksanakan bersama agensi kerajaan berkaitan serta syarikat rakan kongsi.

"Malah, Nafas juga telah menjadi antara syarikat peneraju bagi Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) dan sokongan bersama rantai Pertubuhan Peladang amat dihargai dalam merealisasikan hasrat kerajaan bagi menjamin bekalan

makanan negara," jelasnya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Jubli Emas 50 Tahun Nafas pada Rabu.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, Program SMART SBB merupakan hala tuju baharu industri padi dan beras negara yang sedang dilaksanakan bagi meningkatkan produktiviti sehingga 75 peratus, di samping mewujudkan pengurusan sawah secara cekap dan sistematik untuk penggunaan sumber secara optimum.

Ronald berkata, menerusi penglibatan semua



Ronald menyempurnakan pelancaran Jubli Emas 50 Tahun Nafas.



Ronald (tengah) melihat pokok padi solepas selesai pelancaran Jubli Emas 50 Tahun Nafas di Ibu Pejabat Nafas pada Rabu.

Rompin Integrated Pineapple menang

Syarikat pengeluar nanas MD2 itu rangkul Anugerah Perdana Agro HPPNK 2021

Oleh FARAH SHAZWANI ALI
Foto: ROSLI TALIB

Syarikat pengeluar nanas MD2 yang berpangkalan di Pahang, Rompin Integrated Pineapple Industries Sdn Bhd dipilih sebagai pemenang Anugerah Perdana Agro dan Agro Biz, sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2021 (HPPNK 2021).

Anugerah itu disampaikan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee sempena Pelancaran Jubli Emas Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), di Ibu Pejabat Nafas, di sini pada Rabu.

Kemenangan itu membolehkan syarikat itu membawa pulang hadiah wang tunai keseluruhan bernilai RM50,000 berserta sijil dan trofi.

Pengarah Eksekutifnya, Datuk Shahrul Nizam Abd Aziz berkata, kemenangan itu adalah hasil usaha keras semua pihak serta sokongan daripada kerajaan khususnya MAFI, Nafas dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

"Tanpa kerjasama dan sokongan semua, sudah pasti kejayaan ini tidak dapat diraih. Kami juga amat bersyukur kerana salah satu matlamat syarikat adalah untuk



Shahrul Nizam (empat dari kiri) muncul pemenang Anugerah Perdana Agro dan Anugerah Agro Biz.



Shahrul Nizam menerima Anugerah Perdana Agro pada majlis Pelancaran Jubli Emas 50 Tahun Nafas yang diadakan di Ibu Pejabat Nafas.

meneruskan lagi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan mengambil pekerja-pekerja daripada kalangan Orang Asli di Kampung Tanam.

"Setakat ini kita mempunyai 80 keluarga Orang Asli yang bekerja di ladang nanas dan pemprosesan kami. Setiap tahun, kami juga membayar dividen kepada semua peserta koperasi di kawasan tersebut.

"Syarikat kami beroperasi di Kampung Tanam sejak lebih lapan tahun lalu, bermula secara kecil-kecilan dengan penanaman nanas MD2 seluas 50 ekar dengan lima pekerja dan kini, kawasan tanaman menjangkau 1,600 ekar dengan kira-kira 180 pekerja.

"Antara produk yang dihasilkan adalah buah nanas, jus nanas dan produk hiliran

menggunakan nanas MD2 dan dipasarkan untuk pasaran tempatan dan diekspor ke luar negara seperti ke Jepun, Korea, China, negara Timur Tengah bermula empat tahun lepas," katanya.

Turut hadir, Timbalan Menteri MAFI I, Datuk Ahmad Hamzah; Timbalan Menteri MAFI II, Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh; Pengerusi Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob dan Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Azulita Salim.

Pada majlis itu juga, Smaju Agro Venture diumumkan sebagai pemenang Anugerah Agropreneur Muda, Anugerah Premier Persatuan Nelayan pula dimenangi Persatuan Nelayan Kawasan Sri Muara, Sarawak dan Anugerah Premier

Pertubuhan Peladang dimenangi Pertubuhan Peladang Kawasan Lahar Bubu, Pulau Pinang

Kesemua pemenang masing-masing membawa pulang wang tunai RM 20,000.00 berserta sijil dan trofi.

Sementara itu, Ronald berkata, Anugerah HPPNK 2021 ini diadakan sebagai tanda kerajaan menghargai sumbangan peladang, penternak dan nelayan yang menjadi penyumbang utama makanan di negara kita ini.

Jelasnya, anugerah ini diharapkan dapat memberi motivasi dan dorongan kepada masyarakat peladang, penternak dan nelayan supaya lebih positif terhadap pemodenan dan transformasi sektor tanaman, penternakan, akuakultur dan pemprosesan.

Pandemik bukan halangan tingkat pengeluaran padi

Pandemik Covid-19 menjadikan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lahar Bubu, Pulau Pinang lebih cekap dan dinamik dalam memastikan pengeluaran padi dapat diteruskan tanpa sebarang masalah.

Justeru, kecekapan tadbir urus dan kewangan serta perkhidmatan kepada ahli yang baik melayakkan pertubuhan itu memenangi Anugerah Premier Pertubuhan Peladang sempena Anugerah Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2021 (HPPNK 2021).

Anugerah itu disampaikan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee sempena Pelancaran Jubli Emas Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), di Ibu Pejabat Nafas, di sini pada Rabu.

Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah PPK Lahar Bubu, Datuk Md Zabidi Aniffin berkata, kejayaan itu adalah hasil usaha berterusan pihak pengurusan dan petani dalam mencapai



SUHAIIDY SHUIB

sasaran yang ditetapkan walaupun dalam tempoh pandemik.

"Semasa pandemik, memang ada cabaran untuk bekerja kerana banyak industri berkaitan seperti kilang baja tutup. Tapi, kecekapan pengurusan mengambil langkah awal memastikan perkara penting seperti baja, racun dan yang berkaitan dengan penghasilan padi itu tidak terjejas," katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar Smaju Agro Venture, Selangor, Suhaidy Shuib, 37, dipilih sebagai pemenang Anugerah Agropreneur Muda.

Suhaidy ketika ditemui berkata, anugerah yang diperoleh itu adalah anugerah peribadi yang pertama diterima, sekali gus menyuntik

semangatnya untuk terus memajukan sektor akuakultur.

"Saya sudah memternak udang kara sejak sembilan tahun lalu dan beroperasi di Hulu Langat, yang juga merupakan pusat pengumpulan ternakan udang kara satu Malaysia di bawah program perintis Lembaga Pertubuhan Peladang," ujunya.

INFO

PEMENANG HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2021

- Perdana Agro: Rompin Integrated Pineapple Industries Sdn Bhd, Pahang (Datuk Shahrul Nizam Abd Aziz)
- Agropreneur Muda: Suhaidy bin Shuib (Smaju Agro Venture, Selangor)
- Agro Biz: Rompin Integrated Pineapple Industries Sdn Bhd, Pahang (Datuk Shahrul Nizam Abd Aziz)
- Premier Persatuan Nelayan: Persatuan Nelayan Kawasan Sri Muara, Sarawak
- Premier Pertubuhan Peladang: Pertubuhan Peladang Kawasan Lahar Bubu, Pulau Pinang



Suhaidy (empat kiri) diumumkan sebagai pemenang Anugerah Agropreneur Muda.



Md Zabidi (empat kiri) menerima Anugerah Premier Pertubuhan Peladang pada majlis Pelancaran Jubli Emas 50 Tahun Nafas yang diadakan di Ibu Pejabat Nafas.

1/4/2022

SINAR
HARIANSAMBUTAN
JUBLI EMAS
50 TAHUN
NAFAS

7

SINAR HARIAN • JUMAAT 1 APRIL 2022

SAMBUTAN JUBLI EMAS 50 TAHUN NAFAS



Nafas optimis laksana program pembangunan ekonomi

Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) diberi kepercayaan oleh kerajaan untuk menjalankan beberapa program pembangunan ekonomi peladang.

Pengerusi Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob berkata, tiga program sosio ekonomi yang dilaksanakan iaitu Skim Subsidi Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) dan Skim Baja Racun Padi Bukit (SBRPB) mampu meningkatkan pengeluaran padi dan beras negara.

"Bagi program Kontrak Panel Berpusat (KPB) yang bertujuan membekalkan ayam mentah, Nafas dilantik sebagai syarikat panel tunggal bagi pembekalan ayam kepada agensi kerajaan di Semenanjung Malaysia.

"Justeru saya impikan beberapa pembaharuan dibuat bagi memastikan hala tuju Nafas mengikut prinsip perniagaan yang betul selain memastikan perniagaan yang diceburi dapat keuntungan sewajarnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Jubli Emas 50 Tahun Nafas pada Rabu yang disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiangdee.

Pada majlis berkenaan, turut

dilancarkan lima tekad Nafas sebagai fokus menuju 2030 bagi memastikan perubahan itu kekal relevan sebagai induk kepada rantaian Pertubuhan Peladang.

Dalam pada itu, Zamri berkata, Nafas turut berjaya mengembangkan sektor perniagaan menerusi enam syarikat subsidiari milik penuh agensi itu, tiga subsidiari dengan pelaburan melebihi 50 peratus serta 11 anak syarikat bagi subsidiari dan syarikat bersekutu.

Hasil daripada keuntungan yang diperoleh katanya, ia dikembalikan semula kepada ahli-ahli peladang melalui Tabung Kumpulan Wang Nafas di samping menjalankan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan memberi bantuan kepada Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan ahli-ahli peladang seluruh negeri.

"Nafas juga tidak pernah melupakan tanggungjawab dalam pembayaran zakat perniagaan dengan agihan sebanyak RM15.14 juta telah disalurkan kepada Majlis Agama Islam setiap negeri pada 2021," ujarnya.

Dalam pada itu Zamri turut memaklumkan, Nafas mempunyai hampir satu juta ahli seluruh negara melibatkan 14 PPN serta 279 PPK.



ZAMRI

Katanya, jumlah tersebut telah melengkapkan struktur tiga peringkat Pertubuhan Peladang.

Sementara itu, Ronald ketika berucap menjelaskan, Nafas berjaya membantu menaikkan taraf hidup dan sumber ekonomi keluarga peladang menerusi pelbagai program serta inisiatif bagi mencapai serampang dua mata.

Menerusi pendekatan ini katanya, rangkaian Pertubuhan Peladang seluruh negara telah merealisasikan hasrat kerajaan untuk membawa transformasi pertanian menjadi sektor moden dan dinamik.



Biarlah pertubuhan peladang ini menjadi harta pusaka yang diwarisi turun temurun sebagai alat kemajuan dan perpaduan negara kita"

Tun Abdul Razak Hussein
Perdana Menteri Malaysia Ke-2

INFO

LIMA TEKAD NAFAS
MENUJU 2030

TEKAD PERTAMA:

- Pembangunan industri padi dan beras
- Pembangunan, pengeluaran dan pengkomersialan benih padi hibrid yang dilaksanakan bersama agensi kerajaan berkaitan serta syarikat rekan kongsi.
- Dijangka bermula musim 1/2023
- Merupakan alternatif kepada pesawah dengan tawaran benih padi hibrid berbanding benih padi inbred sedia ada.
- Kajian membuktikan peningkatan hasil tuai sehingga 50 peratus setiap hektar.
- Benih padi hibrid akan memasuki pasaran sehingga 20 peratus dari penggunaan benih padi sah negara dalam tempoh tiga tahun.
- Nafas akan meneraju pemasaran benih tersebut kepada pesawah seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

TEKAD KEDUA:

- Pemasaran input baja dan kimia
- Memberi fokus kepada penyediaan dan pembangunan, pengilangan dan pemasaran input baja dan racun sebagai pendapatan baharu Nafas dalam pasaran terbuka.

TEKAD KETIGA:

- Pemain utama industri ayam
- Memberi fokus untuk melengkapkan rantaian nilai ayam bermula daripada makanan ayam, ternakan ayam hingga pemprosesan ayam bagi membolehkan rangkaian Pertubuhan Peladang menjadi pemain utama industri ayam halal bagi keperluan domestik dan antarabangsa.

TEKAD KEEMPAT:

- Sumber kekayaan baharu
- Memberi fokus kepada pembangunan sektor pertanian baharu seperti nanas MD2 serta durian musang king di samping memperluaskan ladang kelapa sawit milik Nafas sebagai satu suber menjamin pendapatan.

TEKAD KELIMA:

- Kemasukan keluarga peladang
- Memberi fokus kepada perkongsian kemakmuran Nafas kepada semua peringkat Pertubuhan Peladang melalui sumbangan bantuan serta pembangunan kejayaan kepada generasi Peladang masa hadapan.

pihak khususnya swasta, ia dilihat mampu memberi semangat baharu kepada industri padi dan beras negara dengan memanfaatkan sumber modal pembiayaan swasta semaksimalum mungkin.

"MAFI turut mengalu-alukan idea dan pandangan semua pihak termasuk warga peladang untuk terus menambah baik pendekatan yang kita rangka dan laksanakan demi kebaikan sektor agromakanan secara amnya.

"MAFI akan terus memberi sokongan penuh kepada apa jua rancangan Nafas bagi memperkasakan

MAFI turut mengalu-alukan idea dan pandangan semua pihak termasuk warga peladang untuk terus menambah baik pendekatan yang kita rangka dan laksanakan demi kebaikan sektor agromakanan secara amnya.

Pertubuhan Peladang menjadi sebuah entiti yang kompeten dan berdaya maju dalam industri agromakanan negara," ujarnya.

Sementara itu, Ronald turut menyambut



Ronald menyampaikan ucapan pada pelancaran Jubli Emas 50 Tahun Nafas di Ibu Pejabat Nafas.

baik perancangan Nafas untuk meneruskan langkah dinamik menerokai sektor perniagaan lebih luas termasuk menceburi perniagaan ke pasaran antarabangsa.

Katanya, perancangan tersebut perlu dibuat dengan teliti bagi menentukan kesinambungan kegiatan dan pengukuhan pergerakan Pertubuhan Peladang di setiap peringkat.

"Menjadi harapan saya agar matlamat, visi dan misi Nafas terus diperkasa dan mendapat sokongan semua pihak selari matlamat kerajaan dalam menjamin 'sekuriti bekalan makanan sepanjang masa sekali gus membela golongan peladang, petani dan penternak,' tambahnya.



Ronald (tiga dari kiri) menyampaikan replika Wakalah & Geran Pengurusan Mat Pertubuhan Peladang Negeri sempena pelancaran Jubli Emas 50 Tahun Nafas di Ibu Pejabat Nafas.